

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
(TELOK KEMANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) sejauh mana usaha Kerajaan dalam mengurangkan kes penyeludupan rokok yang semakin meningkat dari tahun 2012 (329 kes), 2013 (453 kes) dan 2014 (1024 kes); dan

(b) adakah Kerajaan dapat memastikan tindakan pendakwaan dibuat ke atas dalang utama penyeludup rokok haram memandangkan kes penyeludupan ini semakin meningkat dari tahun ke tahun.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Langkah kerajaan dalam mengurangkan kes penyeludupan rokok termasuklah:

- i. Melaksanakan operasi outlet yang bertujuan untuk menyekat *system delivery* penyeludupan dan penjualan rokok;
- ii. Mengadakan operasi-operasi khas di pelabuhan dan pintu-pintu masuk negara;
- iii. Melakukan pemantauan rapi melalui mesin pengimbas di pintu-pintu masuk utama;
- iv. Melakukan pemantauan rapi ke atas penyalahgunaan kemudahan Pulau Bebas Cukai dan Kompleks Bebas Cukai;
- v. Mengambil tindakan *Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001* (AMLATFA) ke atas sindiket-sindiket melalui tindakan bersama Pasukan Petugas Khas (PPK) dan agensi-agensi lain;
- vi. Arahan mengenakan tindakan mahkamah ke atas semua kes-kes rokok yang diperolehi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
- vii. Kerjasama dengan Agensi-agensi Penguatkuasaan dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);
- viii. Mengadakan operasi-operasi yang disertai oleh pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim

Malaysia (APMM), Jabatan Laut, Jabatan Perikanan, Jabatan Imigresen, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan;

- ix. Meneruskan operasi-operasi penguatkuasaan bersepadu, operasi di kawasan-kawasan 'hotspot' dan penglibatan aktif dalam Jawatankuasa Bertindak Setempat (*Local Committee*); dan
- x. Meningkatkan kerjasama dengan pihak industri rokok.

b) Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah mengeluarkan arahan pada tahun 2010 untuk mengenakan tindakan mahkamah ke atas semua kes-kes penyeludupan rokok yang diterima oleh JKDM. Jadual berikut menunjukkan statistik kes-kes pendakwaan rokok bagi tahun 2011 sehingga 2014:

<b>TAHUN</b>	<b>BIL. KES DIDAKWA</b>
2011	193
2012	329
2013	453
2014	1,024